



SOARING UPWARDS
CREATING OPPORTUNITIES FOR ALL



UNIVERSITI MALAYA



AMANAT NAIB CANSOLOR 2017



Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Pertama sekali, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahuwataala, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad Sallallahu'alaihiwasalam. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita semua berhimpun di petang yang mulia ini untuk bersama-sama dalam Majlis Perutusan Naib Canselor 2017. Rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan **SELAMAT TAHUN BAHARU** kepada seluruh warga Universiti Malaya

Semoga berhimpunnya kita pada hari ini dapat merapatkan lagi ukhuwah dan lambang penyatuan hati warga UM untuk bersama seia sekata mendepani cabaran mendatang. Terima kasih yang tidak terhingga kepada seluruh warga kampus yang setia bersama saya dan memberi sokongan padu dalam kita melaksanakan pelbagai agenda Universiti. Jasa tuan/puan hanya Allah sahaja yang akan membalasnya.

2016 telahpun melabuhkan tirainya....



Pelbagai kisah suka duka, pahit manis yang kita telah tempuhi bersama. Semuanya terus mematangkan kita dalam mentadbir Universiti. Alhamdulillah, berkat sokongan dan komitmen semua halangan dan cabaran dapat kita atasi. Saya mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan penghargaan dan terima kasih saya kepada Lembaga Pengarah Universiti khususnya kepada mantan Pengerusi iaitu **Y.BHG TAN SRI DATO' SERI UTAMA ARSHAD AYUB**. Penghargaan juga

ditujukan kepada Ahli Pengurusan Universiti dan seluruh warga UM termasuk mahasiswa di atas sokongan dan sumbangan yang telah dicurahkan untuk universiti yang kita kasihi ini. Saya berharap kejayaan yang dicapai menjadi motivasi untuk kita semua menghadapi cabaran di tahun 2017 bagi mencipta lebih banyak kejayaan.

Y.Bhg Tan Sri Dato' Seri Utama Arshad Ayub



Meskipun pada tahun 2016, Universiti Malaya berhadapan dengan cabaran kewangan apabila menerima potongan peruntukan tertinggi dari kalangan semua Universiti Awam, kita terus melaksanakan agenda Universiti menggunakan peruntukan yang diberikan dan juga sumber dalaman sendiri. Alhamdulillah, pada tahun lalu Universiti Malaya berjaya meningkatkan kedudukannya dalam ranking dunia iaitu di tangga

133 daripada tangga 146 pada tahun sebelumnya. Di peringkat Asia pula kita meningkat ke tangga ke **27** pada tahun ini. Manakala berdasarkan subjek secara keseluruhannya kedudukan kita telah bertambah baik berbanding pencapaian tahun 2015 di mana *Development Studies* tersenarai di **kedudukan ke 30** dunia dan *Engineering - Electrical and Electronic* pula berada di tangga **ke 37** dunia.

#1ST

**MALAYSIA
PUBLIC
UNIVERSITY**

**PUBLIC
UNIVERSITY
TO BE ISO
CERTIFIED
IN MALAYSIA**

**TEACHING
HOSPITAL
IN MALAYSIA**

Tiada Universiti jika tiada **MAHASISWA**. Melunaskan tanggungjawab melahirkan mahasiswa yang holistik dan berdaya saing terus menjadi keutamaan Universiti Malaya. Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni terus menjadi pemudah cara kepada mahasiswa dalam membantu mereka menjalani kehidupan di kampus. Pelbagai inisiatif telah dijalankan oleh HEPA demi memastikan kebajikan mahasiswa terus terpelihara. Melalui agihan zakat, tabung kebajikan pelajar, bantuan biasiswa dan pinjaman, mahasiswa yang kurang berkemampuan terus dibantu.

Penubuhan konsortium Kolej-kolej Kediaman yang saya lihat sebagai satu elemen **keserakanan dan kebersamaan** telah meningkatkan kualiti prasarana yang diberikan kepada pelajar. Usaha akan diperhebatkan untuk menaiktaraf kolej kediaman melalui konsortium ini.



Kebajikan pelajar dan staf dari golongan Orang Kelainan Upaya akan terus diberi perhatian. Pelaksanaan *UM Accessibility Map* akan diteruskan melalui Fasa ke 2 pada tahun ini.

Alhamdulillah Fakulti Alam Bina, UM telah dipilih oleh *ASEAN University Network*, untuk menjadi **urusetia bagi ASEAN Disability and Inclusive Policy Thematic Network**. Melalui jaringan ini, **NIPPON FOUNDATION** telah memperuntukkan sebanyak **RM4.8 juta** bagi tempoh 5 tahun untuk Universiti menawarkan biasiswa kepada mahasiswa OKU yang terpilih. Pada tahun lalu 5 orang mahasiswa OKU yang mengikuti pengajian di INPUMA telah menerima biasiswa dan menamatkan pengajian. Manakala 3 orang lagi sedang dalam pengajian. Selain biasiswa, sumbangan *Nippon Foundation* ini juga akan digunakan bagi menjalankan penyelidikan yang bertajuk ***Making People with Disabilities (PWDs) in Agricultural Development: Best Practices of ASEAN Countries***. Penyelidikan ini melibatkan dua orang staf OKU UM iaitu **Prof. Madya Dr. Naziaty Mohd Yaacob**



daripada Fakulti Alam Bina dan Cik Yuhanis Adnan daripada Pusat Sukan bersama penyelidik daripada 6 Universiti ASEAN lain yang menganggotai AUN. Diharapkan banyak manfaat akan diperolehi khususnya oleh golongan ini di masa akan datang.


THE NIPPON FOUNDATION
RM4.8M
 FOR A PERIOD OF 5 YEARS

Pengukuran mahasiswa yang hebat bukan setakat dari segi akademik sahaja malahan ia merangkumi sahsiah dan penglibatan mahasiswa dalam aktiviti luar Dewan Kuliah.

Pada tahun 2016 sebanyak 1200 aktiviti telah dijalankan oleh mahasiswa Universiti Malaya. Pelbagai pencapaian yang membanggakan diraih di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa. Antara yang ingin saya ketengahkan kejayaan **MUHAMMAD FATHI MARZUKI** dari Fakulti Sains. Beliau telah merangkul **Anugerah Pemimpin Program Kesukarelawan Terbaik 2016** daripada Kementerian Pendidikan Tinggi melalui Misi Bantuan Kemanusiaan Antarabangsa Kemboja dan *Volunteer Explorace*.

SAUDARI CHEAH JEANNE dari Fakulti Bahasa dan Linguistik pula telah merangkul juara bagi pertandingan *Hachioji City 23 Universities Japanese Speech Contest for Foreign Student*. Manakala **SAUDARA VINODHAN A/L KUPPUSAMY** dan kumpulan pelajar Fakulti Undang-undang telah berjaya menjadi johan dalam *ICRC International Humanitarian Law Mooting Competition 2016*.



Di awal tahun 2017 kita berbangga meraikan kejayaan pertama mahasiswa apabila **SAUDARA DHESEGAN A/L BALA KRISHNAN** daripada Fakulti Sains berjaya menjuarai Pidato Bank Negara 2017 bagi kategori Bahasa Inggeris.

Saya juga ingin berkongsi kejayaan Mahasiswa UM dari Kolej Kediaman Tuanku Bahiyah mengharumkan nama Universiti dan mendapat pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBR) melalui **Program Larian Gegar UM 2016**. Program ini amat unik kerana telah merekodkan jumlah penyertaan teramai di mana seramai 1,319 orang peserta memakai kain batik dan kain pelikat di sepanjang larian berkenaan. Kreativiti mahasiswa yang mencetuskan

idea ini amat dipuji kerana pada masa yang sama mereka meletakkan budaya berkain pelikat sebagai tarikan umum.

Kegigihan dan kejayaan mahasiswa meraih pelbagai pencapaian di pelbagai peringkat ini sangat membanggakan kita. Saya mengharapkan lebih banyak kejayaan pelajar dapat dicapai menyumbang kepada Negara dan Bangsa apabila mereka menempuh alam kerjaya nanti.

Sebenarnya banyak lagi aktiviti mahasiswa yang boleh dilaksanakan bagi menyemarakkan dan memeriahkan kampus terutamanya di hujung minggu. Saya mengambil contoh SUKMUM yang diadakan baru-baru ini di mana jadual perlawanan telah dipinda daripada hari biasa ke hujung minggu bagi membolehkan lebih ramai pelajar melibatkan diri dalam acara yang dipertandingkan. **Syabas diucapkan!**



1,319
PESERTA BERKAIN BATIK

THE
MALAYSIA
BOOK
OF RECORDS



"Caring from the Heart"



Seperti yang saya selalu tekankan, warga kampus tidak seharusnya hidup dalam kelompok kita sahaja sebaliknya kita perlu melihat realiti kehidupan di luar sana. Usaha kita mendampingi masyarakat adalah selaras dengan hasrat untuk menjadikan penyelidikan di Universiti sebagai wadah bagi membangun dan memberi penyelesaian isu setempat demi kelestarian negara dan bangsa. Menyedari pentingnya memasyarakatkan Universiti, sebanyak **46 projek penyelidikan** yang dijalankan oleh warga Universiti telah melibatkan masyarakat

setempat. Antaranya, projek ***"Training for Health Worker In Addiction Rehabilitation Program In Darul Makmur Medical Center (DMMC)"***.

Objektif program ini adalah untuk mengadakan satu program latihan klinikal dalam bidang perawatan penagihan menggunakan pendekatan perubatan dan psikososial. Projek ini telah memberi impak yang besar kepada komuniti sehingga tertubuhnya Pusat Rawatan Penagihan di Kuantan yang berjaya mengurangkan masalah penagihan di kalangan penagih baru dan penagih berulang.

Bagi mendokong hasrat Kementerian Pendidikan Tinggi untuk mencapai sasaran 60% enrolmen dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau singkatannya STEM, Universiti Malaya telah melaksanakan satu lagi *Knowledge Transfer Program* (KTP). *Program Early Engineering: Training of Trainers (TOT) Untuk Guru STEM Sekolah Rendah* telah diketuai oleh **DR. ROSE AMNAH ABD RAUF** daripada Fakulti Pendidikan. Ia adalah untuk meningkatkan kemahiran pedagogi guru STEM di peringkat sekolah rendah di samping berkongsi kepakaran dan ilmu pengetahuan hasil penyelidikan universiti dengan pendidik bagi membantu meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran sains di sekolah. Program ini diharap dapat meningkatkan pencapaian dan minat pelajar terhadap matapelajaran Sains melalui pendekatan baharu dalam pembelajaran sekaligus mempertingkatkan kemahiran guru.

Saya mengharapkan lebih ramai ahli akademik yang tampil menjalin kerjasama dengan sekolah-sekolah



khususnya yang berdekatan dengan UM untuk membawa masuk pelajar ke dewan kuliah dan makmal. Ia bagi memberi pendedahan kepada mereka mengenai dunia pendidikan tinggi serta menimbulkan minat mereka untuk mempelajari subjek berkaitan STEM.

Jika ingin disenaraikan, terlalu banyak projek kemasyarakatan yang dijalankan oleh warga UM. Saya amat bangga dengan sumbangan mereka ini yang bukan sahaja membawa manfaat kepada diri sendiri dan Universiti tetapi yang lebih penting kepada komuniti dan Negara. **Sekali lagi syabas diucapkan!**



**Program Early Engineering
Training of Trainers (TOT) for
Teachers**



Sebagai Hospital Pengajar pertama di Malaysia, **UM Medical Centre** atau dulunya dikenali sebagai PPUM sentiasa komited untuk berada pada landasan yang tepat memacu kecemerlangan untuk terus kekal sebagai Peneraju Pengajaran Perubatan. Walaupun tiada pembangunan fizikal yang ketara pada tahun 2016, pencapaian dari sudut

penaiktaraan perkhidmatan di **UM Medical Centre** sentiasa menjadi keutamaan dan berterusan bagi menjamin kesesuaian serta kepuasan pelanggan.

Pada 27 Oktober 2016, Unit Perkhidmatan Makmal Diagnostik **UM Medical Centre** secara rasminya menjadi makmal pertama seumpamanya yang memiliki

Sistem Trek Automasi terpanjang di Malaysia.

Dengan adanya sistem ini, tempoh **proses pengasingan sampel ujian makmal menjadi lebih singkat** dan mampu **meningkatkan ketepatan hasil ujian** akibat ralat manusia. Pada masa yang sama **mempertingkatkan kecekapan pembuangan sisa ujian makmal.**



Diagnostic Laboratory Services Unit - Track Automation System



UM Medical Center pada 9 Oktober 2016 juga diiktiraf sebagai **pusat perubatan pertama di Malaysia yang menawarkan prosedur rawatan Radiotherapy Intra-Operative untuk barah payudara peringkat awal**. UM Medical Centre merupakan antara sebilangan kecil hospital di Asia Tenggara yang menawarkan perkhidmatan ini. Kecanggihan teknologi ini membolehkan Pakar Onkologi Klinikal dan Pakar Fizik Perubatan menilai saiz

sel barah untuk menentukan tahap sinaran radiasi yang tepat dan bersesuaian. Ia dapat **mengurangkan kadar radiasi berbahaya kepada pesakit**, selain **mengurangkan tempoh masa rawatan kepada penghidap barah payudara**.

Rawatan ini **merupakan satu alternatif terbaik** dan diharapkan lebih ramai golongan wanita tampil membuat pengesanan dan rawatan awal barah payudara, secara tidak langsung **meningkatkan kualiti hidup**.

Radiotherapy Intra - Operative



Sebagai pelengkap kepada proses pemulihan pesakit, Jabatan Perubatan Pemulihan UM Medical Center pula menawarkan **rawatan pemulihan intensif yang komprehensif dan terkini** kepada pesakit yang mengalami kecederaan pada mana-mana bahagian anggota badan. Dengan kekuatan seramai lebih 200 orang jurupulih perubatan anggota dan jurupulih perubatan carakerja, UM Medical Centre merupakan **hospital pengajaran**

pertama di Malaysia dengan jurupulih perubatan paling ramai dan menawarkan rawatan serta peralatan pemulihan paling intensif.

Fasiliti dan persekitaran kondusif ini menjadi kekuatan kepada Jabatan Perubatan Pemulihan dan ia perlu diketengahkan serta disebarluaskan kepada masyarakat di luar sana supaya manfaat dapat diperolehi oleh masyarakat dengan lebih menyeluruh.

Rehabilitation Medicine

>200
ORANG JURUPULIH PERUBATAN
ANGGOTA DAN JURUPULIH
PERUBATAN CARAKERJA

UM STAF MEDICAL EXPENSES



Universiti Malaya telah membelanjakan sebanyak RM8.9 juta untuk kos perubatan staf pada tahun 2014 dan jumlah ini meningkat kepada RM9.0 juta pada tahun 2015. Sebagai seorang pengamal perubatan, saya melihat peningkatan ini adalah sesuatu yang perlu dipandang serius. Bagi membantu warga Universiti mengenalpasti tahap kesihatan mereka dari awal dan pada masa yang sama membuat pengesanan penyakit, program *wellness* telah diperkenalkan sejak tahun 2008. Program ini membantu staf menjalani


gaya hidup yang lebih sihat dan mengurangkan kebergantungan kepada ubat-ubatan. Saya menyeru seluruh warga Universiti untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat dan menggunakan program *wellness* sebagai platform untuk mendapatkan rawatan lebih awal.

Sebagai menghargai jasa dan bakti yang diberikan oleh warga Universiti Malaya, pada tahun 2016 pihak pengurusan UM Medical Center telah menyediakan wad khas untuk warga UM. Diharapkan kemudahan sebegini membolehkan staf

Universiti mendapatkan rawatan yang terbaik daripada pakar-pakar perubatan kita. Syabas diucapkan kepada UM Medical Center.

Bagi memastikan kualiti Pengajaran dan Pembelajaran menjadi keutamaan, Universiti melalui portfolio TNC (A & A) telah dan sedang melaksanakan pelbagai agenda antaranya memperkukuh entiti akademik melalui penubuhan *Institute Academic Advancement* yang tidak hanya memperkasakan program-program akademik tetapi juga mempersiapkan ahli akademik dengan latihan yang bersesuaian supaya penyampaian ilmu kepada mahasiswa mencapai piawaian yang ditentukan.

Kita juga sedang melihat peluang mengadakan kolaborasi dengan beberapa Universiti luar negara seperti *Guangxi University of Foreign Languages* dan *Guangxi University of Nationalities* daripada China untuk mengadakan promosi program akademik bagi mendapatkan lebih ramai pelajar ke Universiti Malaya. Beberapa siri perbincangan juga telah diadakan bersama Kedutaan Kazakhstan untuk mendapatkan pelajar berpotensi dari negara berkenaan. Ini adalah antara usaha kita bagi mencapai kriteria pengantarabangsaan yang diperlukan untuk penarafan.



Australian National University




Hong Kong University of Science & Technology



KYOTO UNIVERSITY



Universiteit Antwerpen



Sehubungan itu, saya menyeru kepada semua Dekan dan Pengarah untuk bekerjasama bagi memastikan kita mencapai sasaran 10% pelajar antarabangsa bagi program ijazah pertama dan

30% bagi pelajar pasca ijazah. Saya juga mahu Dekan dan Pengarah mengenalpasti calon staf akademik yang berpotensi bagi mencapai sasaran 25% staf antarabangsa.

Bagi memenuhi hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi), Lonjakan 3, Universiti Malaya terus komited menyediakan akses kepada masyarakat bagi mendapatkan peluang pendidikan sepanjang hayat melalui University Malaya Centre for Continuing Education (UMCCeD). Alhamdulillah pada tahun 2016 sebanyak 6 program yang ditawarkan oleh UMCCED telah mendapat **Akreditasi Penuh dari MQA dan Pengiktirafan Kelayakan daripada KPT.**

Suka saya maklumkan di sini bahawa pada tahun lalu UMCCED telah bermurah hati menyumbang sebanyak RM5 juta kepada Tabung Penyelidikan Naib Canselor yang akan kita manfaatkan sepenuhnya. **Terima kasih Daun Keladi diucapkan!**

UMCCED akan terus menjadi sumber dana kepada Universiti Malaya selain daripada entiti lain di UM seperti UMSC, UM Holdings dan UPUM.



Diploma Eksekutif Pengurusan (Pentadbiran dan Operasi)

Diploma Eksekutif Pengurusan (Sumber Manusia)

Diploma Eksekutif Pengurusan (Perniagaan)

Diploma Eksekutif Pendidikan Awal Kanak-kanak

Diploma Eksekutif Kaunseling

Diploma Eksekutif Pentadbiran Perakaunan



Menyahut seruan YB Menteri melalui tema Amanatnya pada tahun ini iaitu *Redesigning Higher Education*, kita perlu membuat kajian terperinci bagi membolehkan Universiti Malaya memulakan inisiatif **Accreditation of Prior Experiential Learning** atau **APEL**. Ia adalah sebagai satu usaha membudayakan pembelajaran sepanjang hayat. Saya meminta TNC (A & A) untuk melihat kepada perkara ini.



**Accreditation of
Prior Experiential
Learning**

Projek Penyelidikan Berimpak Tinggi atau High Impact Research (HIR) yang dimulakan pada tahun 2011 dengan pembiayaan kerajaan telahpun sempurna kitaran pertama pada Jun 2016 yang lalu. Projek ini telah mencapai sasaran yang telah ditetapkan antaranya, **3,623 atau 106.6% penerbitan dalam Tier-1** telah berjaya dihasilkan berbanding sasaran yang ditetapkan iaitu sebanyak 3,400 penerbitan.

Melalui HIR kita telah dan sedang melatih seramai **4,503** orang termasuklah Pembantu Penyelidik, *Post-Doc* dan Penyelidik Kanan dari dalam dan luar negara. 1200 orang adalah pelajar pasca ijazah


secara sepenuh masa di mana dari jumlah berkenaan seramai **612** orang telah berjaya menamatkan pengajian.

UM juga berjaya menghasilkan sebanyak **297 IPR** telah difailkan daripada hasil penyelidikan. Daripada jumlah tersebut, **42** adalah paten yang telah diluluskan (*granted*), 199 adalah paten dalam bentuk *file (Patent Filed)* dan selebihnya dalam bentuk *Utility Innovation, Trademark, Copyright & Industrial Design*.

Projek penyelidikan HIR bercirikan inovasi sosial yang dijalankan oleh **Prof. Dr. Rajah Rasiah**, telah digunakan oleh *United Nations Conference for Trade and Development*, dan *United Nations Development*

Programme dalam agenda mereka membangunkan ekonomi serta membentuk polisi untuk negara-negara membangun termasuk membentuk dasar-dasar perindustrian mereka. Saya berharap lebih banyak inovasi sosial dapat dihasilkan daripada penyelidikan lain di Universiti ini.

Sesungguhnya projek HIR telah menyumbang kepada model **quadruple helix** dan memberikan impak yang signifikan dan positif kepada masyarakat dari pelbagai sudut kehidupan. Secara tidak langsung, ianya dapat memberi nilai tambah kepada perkembangan inovasi sosial bagi masyarakat Malaysia.



Pada petang ini saya ingin kongsi beberapa output penyelidikan yang inovatif, berimpak tinggi dan akan menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup rakyat. **Projek Green House** yang dijalankan oleh **Prof. Madya Dr. Ubagaram J. Alengaram** merupakan satu projek penyelidikan berasaskan *community engagement* di mana melalui penyelidikan yang dijalankan ia berjaya menghasilkan rumah kos rendah yang menggunakan teknologi hijau dengan kos tidak sampai pun RM20,000.00. Projek ini menggunakan sisa industri termasuklah *palm oil fuel ash, rice husk ash* dan *coal bottom ash* yang menggantikan bahan binaan konkrit. Prototaip projek ini telah berjaya dibina melalui kolaborasi Fakulti Kejuruteraan dengan *Perancis Vinci Construction*. Projek sebegini sudah pasti memberi alternatif kepada golongan yang memerlukan kediaman tetapi mempunyai sumber pembiayaan yang terhad.

**Green House
Project**



Kredibiliti Universiti Malaya dalam penyelidikan terus menerima kepercayaan pihak industri apabila pelbagai industri tempatan dan antarabangsa tampil menjalin kolaborasi dengan UM. Salah satunya adalah **kerjasama UM dan OSRAM** melalui penyelidikan fundamental *High Impact Research* yang kemudiannya telah mencetuskan idea kerjasama pasukan *nobel laureate* daripada University of California Santa Barbara dan pihak CREST. Projek dengan pembiayaan geran LRGS RM3.5 juta ini telah menarik perhatian OSRAM untuk terlibat dalam 4 projek LED termaju yang secara keseluruhannya membawa pulangan dalam bentuk penghasilan modal insan dengan menghasilkan graduan sarjana dan PhD yang kemudiannya diserap untuk bekerja dengan pihak OSRAM. Melalui projek ini CREST juga telah mendapatkan pembiayaan kerajaan sebanyak 3 juta untuk pembelian peralatan dan peningkatan kemudahan di makmal *Low Dimensional Materials Research Centre* (LDMRC).

LED Technology

OSRAM



Penghujung tahun 2016 menyaksikan satu lagi kejayaan Universiti Malaya melalui kolaborasi yang dijalinkan oleh Fakulti Kejuruteraan dengan 5 industri terkemuka. Makmal industri yang pertama di Malaysia ini dinamakan **engineering@UM Industrial Innovation Centre (eUM-IIC)**. Kolaborasi penyelidikan ini adalah bagi menghasilkan produk boleh dikomersilkan dengan nilai yang dianggarkan **RM400 juta untuk tempoh 5 tahun akan datang**. Ia melibatkan penghasilan produk bernilai tinggi, paten dan intelektual property dengan menggunakan kemudahan peralatan makmal yang bernilai RM230 juta. Universiti Malaya merakamkan penghargaan kepada 5 industri tersebut iaitu **Daikin Malaysia Sdn. Bhd, Ossur, Rohde & Schwarz Malaysia Sdn. Bhd., Motorola Solution Malaysia dan Proton Holdings Berhad**.

SYABAS KEPADA DEKAN FAKULTI KEJURUTERAAN!



**engineering@
UM Industrial
Innovation
Center (eUM-IIC)**





Alhamdulillah, semalam kita menerima satu lagi berita baik untuk permulaan 2017 di mana Fakulti Sains telah berjaya mendapatkan geran di bawah **Eramus+ Program** yang bernilai **RM4.8 juta** melalui *partnership agreement*. **TAHNIAH** kepada penyelidik yang terlibat iaitu **Profesor Dr. Ramesh Subramaniam dan Dr. Ramesh Kasi** dari Jabatan Fizik, Fakulti Sains. Saya berharap kejayaan ini membakar semangat warga

penyelidik yang lain untuk membawa masuk lebih banyak dana bagi membiayai aktiviti penyelidikan kita.

SYABAS KEPADA DEKAN FAKULTI SAINS!

UM & ERAMUS+ Program

**FAKULTI SAINS MENERIMA
RM4.8M
GERAN ERAMUS+PROGRAM**

Peningkatan bilangan produk dihasilkan dan dikomersilkan melalui *UM-Spin Off Company* telah memberi petunjuk bahawa UM mampu menambah aset negara dengan produk dihasilkan dan pada masa yang sama menyumbang kepada kelestarian kewangan Universiti.

Syarikat milik UM iaitu **Flexilicate Sdn Bhd** yang pernah memenangi *Rice Bowl Award* sebagai *The University Start-up of The Year* telah berjaya memasarkan produk penyelidikan mereka pada tahun lalu dengan keuntungan sehingga RM100,000.00. Walaupun nampak kecil tetapi jumlah ini sangat memberangsangkan bagi sebuah syarikat yang baharu bermula. Pada tahun lalu juga, *Flexilicate* berjaya menerima **geran Newton-Ungku Omar** bagi tujuan pembangunan cip denggi.

Saya berbangga untuk mengucapkan **TAHNIAH** kepada tokoh di sebalik kejayaan ini yang bukan sahaja seorang penyelidik dan ahli akademik yang komited, tetapi juga merupakan ahli pengurusan tertinggi UM iaitu tidak lain dan tidak bukan **Profesor Dr. Faisal**

Rafiq Mahamd Adikan, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan). Semoga kejayaan beliau menjadi pendorong kepada lebih ramai warga untuk tampil sebagai usahawan Universiti.

Flexilicate Sdn Bhd

RM100,000
KEUNTUNGAN PEMASARAN
PRODUK PENYELIDIKAN





Syarikat Zectron Sdn Bhd pula mencatatkan hasil jualan berjumlah RM849,000 pada tahun lalu apabila sekumpulan penyelidik daripada *Centre of Advanced Manufacturing and Material Processing (AMMP CENTRE)* berjaya menghasilkan produk yang direka khas untuk mensimulasi perubahan suhu persekitaran terhadap sesuatu sampel. Produk yang dinamakan **Automatic Thermocyclic Dipping**

Machine (ATDM) ini dibangunkan dengan menggunakan sepenuhnya kepakaran kejuruteraan dengan mengambilkira pelbagai aspek termasuk kos, masa, keboleh upayaan proses pembuatan, pasaran komponen, ergonomi dan keboleh upayaan pemasangan. Ia dijual pada harga RM100,000 hingga RM292,000.00 mengikut jenis dan keperluan pelanggan.

Automatic Thermocyclic Dipping Machine (ATDM)

RM849,000
KEUNTUNGAN JUALAN



Dalam menyuburkan penyelidikan dan pengajaran di Universiti, **Perpustakaan** tetap memainkan peranannya melalui penyediaan kemudahan dan perkhidmatan sumber maklumat yang terkini. Walaupun dalam era masa kini, pelbagai maklumat begitu mudah diakses di hujung jari, peranan Perpustakaan tetap relevan. Pelbagai usaha telah dijalankan untuk membolehkan warga UM mendapat akses kepada sumber maklumat yang diperlukan. Bersempena dengan penubuhan 111 tahun UM, Perpustakaan telah berjaya mewujudkan lagi satu mercu tanda bagi UM dengan pelancaran Arkib UM pada 1 Jun 2016. Arkib UM ini adalah repositori bagi kesemua hasil karya warga UM serta dokumen dan

artifak mengenai UM. Saya ingin menyeru semua warga kampus untuk mengambil manfaat sepenuhnya dari kewujudan Arkib UM untuk lebih mendalami kisah di sebalik Universiti dan warganya ini. Walaupun di era dunia tanpa sempadan hari ini di mana semua maklumat mudah dicapai di hujung jari, perpustakaan terus menjadi destinasi kepada pencinta ilmu yang sangat signifikan kepada sesebuah menara gading.

Pada tahun 2017, saya ingin melihat Perpustakaan Universiti Malaya lebih aktif memberi akses khususnya kepada masyarakat umum meneroka ilmu dengan menggunakan pelbagai kemudahan yang disediakan. Kita harus memasyarakatkan khazanah ilmu yang ada dalam mendokong hasrat melahirkan masyarakat berilmu.



**Launching of the Archive
University of Malaya**



Untuk menjadikan Universiti Malaya sebagai sebuah Universiti pilihan dan berpengaruh di peringkat global, kita tidak dapat lari daripada penarafan di peringkat antarabangsa. Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi dalam amanatnya pada 12 Januari 2017 yang lalu telah menyatakan bahawa menjelang 2025 dua Universiti termasuk Universiti Malaya telah disasarkan untuk berada di kelompok 100 Universiti terbaik dunia melalui QS World University Ranking. Walaupun sasaran KPT adalah 2025, tetapi UM komited untuk




meletakkan sasaran tersebut pada 2020. Pada tahun ini juga kita telah bersedia untuk turut serta dalam **Times Higher Education World University Ranking (THE)**. Semua ini sudah termaktub dalam Pelan Strategik Universiti Malaya Tahun 2016-2020.

Sebagai sebuah Universiti Penyelidikan, usaha perlu diteruskan untuk menyemarakkan lagi aktiviti penyelidikan. Oleh itu, untuk tempoh lima (5) tahun akan datang, kita akan memberi penekanan kepada **Impactful Translational Research Project (ITRP)** yang merupakan kesinambungan kepada *High Impact Research*. 6 tema telah dikenalpasti iaitu *Meaningful Cancer Survivorship, Wellness for Urban Poor, Innovation-led Economic Growth, Transformative Education, Competitive Urban*

Future dan Technology & Knowledge Competitiveness.

Bagi melaksanakan ITRP ini kita memerlukan sekurang-kurangnya **RM800 juta** dimana kita mengharapkan RM400 juta dari dana kerajaan manakala baki RM400 juta lagi kita akan dapatkan secara *matching grant* dari dana luar. Jumlah yang amat besar tetapi saya percaya impaknya juga hebat terutama kepada Universiti dan masyarakat di luar sana. Sehubungan itu, saya menyeru semua Dekan dan Pengarah termasuk Dekan

Kluster untuk bekerja kuat bagi mendapatkan geran-geran penyelidikan sama ada daripada pihak industri mahupun organisasi dalam dan antarabangsa.



Hasil daripada pelancaran *engineering@UM-Industrial Innovation Centre* yang melibatkan nama besar dalam industri, tahun 2017 bakal menyaksikan UM melebarkan sayap dengan menjalin kolaborasi dengan pelbagai industri lain. Pada masa ini, kajian sedang dijalankan oleh Fakulti Kejuruteraan UM dengan kerjasama RWTH Archen Univ, German untuk membolehkannya diangkat sebagai “**Research Factories**” melalui kerjasama

Malaysia-Jerman. Model kerjasama industri Malaysia-Jerman (German-Malaysia collaboration) melalui BMBF (German Funding) ini adalah bagi membangunkan satu model baru yang dikenali sebagai “research factories” di Fakulti Kejuruteraan, UM.

Pada suku tahun ke dua 2017, kita akan melancarkan **Inkubator Inovasi UM** yang dilengkapi dengan fasiliti *makers space*, *Life science accelerator* dan

Incubator IOT. Selain itu, inisiatif membangunkan **UM Planet** sebagai *Research Park* Universiti bertaraf dunia juga akan dimulakan. Ini akan menjadi mercu tanda pemacuan inovasi negara yang menjadi landasan dinamik bagi mendedahkan mahasiswa dengan realiti industri. Saya mengalu-alukan rakan industri mahupun institusi korporat untuk tampil bagi membantu Universiti Malaya merealisasikan projek ini.



Umum sedia maklum senario ekonomi semasa dunia yang tidak menentu, juga memberi kesan besar kepada perkembangan ekonomi Malaysia dan secara tidak langsung tempiasnya kepada semua pihak termasuklah Universiti Malaya. Kita harus terima hakikat bahawa tahun 2017 merupakan tahun yang amat mencabar buat kita.

Dalam mendepani cabaran yang pahit sebegini, kita tidak boleh lagi berkeluh kisah kerana saya yakin masih ada cahaya di hadapan yang akan membantu kita dalam meneruskan agenda Universiti. Pada tahun 2016 saya telah memberi bayangan bahawa cabaran kepada UM masih belum berakhir. Saya juga telah meminta

semua pihak untuk sama-sama menyumbangkan idea terutamanya membantu Universiti menjana pendapatan agar agenda yang kita telah susun akan dapat dilaksanakan seperti dirancang.

Bagi memastikan kelestarian Universiti Malaya, inisiatif **UM Master Plan** telah digerakkan sejak tahun 2015. Penglibatan warga UM sangatlah dialu-alukan di mana melalui pertandingan **UM Master Plan** yang diadakan baru-baru ini kita telah memberi peluang kepada warga Universiti untuk memilih sendiri satu konsep reka bentuk yang akan menjadikan UM sebagai kampus lestari abad ke 21 seterusnya muncul sebagai

institusi penyelidikan yang terkemuka di peringkat antarabangsa. Di sini saya memohon agar semua warga kampus membuat undian masing-masing agar rekabentuk akan datang Universiti ini menjadi lebih bermakna dengan penglibatan setiap lapisan warganya.

Bagi menyokong aspirasi dan inisiatif kelestarian kampus yang bersifat holistik serta merentas disiplin dan bidang ilmu, **UM Eco-Campus Blueprint** telah diluluskan oleh Pengurusan Universiti baru-baru ini. Ini merupakan satu usaha untuk mewujudkan amalan pengurusan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar di Universiti Malaya.

UM ECO-CAMPUS BLUEPRINT



Meskipun dengan kekangan kewangan yang ada, pembangunan Universiti akan tetap diteruskan. Beberapa projek telah dikenalpasti untuk dimulakan pada tahun 2017.

Antaranya Universiti Malaya akan memulakan proses pembangunan semula lot-lot tanah milikannya melalui konsep perkongsian pintar dan konsesi dengan pihak swasta atau **Built Operate Transfer Revenue (BOTR)**. Pembangunan semula tanah UM ini mampu menjana ekonomi tempatan seterusnya membolehkan UM menerima pulangan yang kompetitif untuk setiap ekar yang dibangunkan. Sebagai contoh, pembangunan semula Lorong Jambatan dan pembinaan padang rumput tiruan yang dijangka

membawa pulangan antara RM3 juta hingga RM4 juta.

Penjana pendapatan yang berlipat ganda diharap dapat diperolehi apabila Kompleks Squasy UM yang bernilai lebih RM1 juta siap sepenuhnya pada tahun 2017. Projek ini dibangunkan dengan nasihat **Squash Racquets Association of Malaysia** (SRAM) dan pembiayaan daripada RMK11, sesuai dengan hasrat UM untuk terus memainkan peranan dalam pembinaan sahsiah yang holistik untuk belia khususnya pelajar UM dan masyarakat setempat.

Kepakaran warga Universiti dalam membangunkan sistem atas talian terus dimanfaatkan di mana, pada tahun ini kita

telah memulakan penjaan pendapatan melalui teknologi IT yang dibangunkan seperti sistem pembidaan untuk vendor (*eprocedurement*), sistem data kepakaran atas talian (UMEXPERT), dan sistem pengajaran atas talian (UM Spectrum).

Bagi mengatasi masalah air yang sering dihadapi oleh warga kampus terutamanya di Kolej kediaman, pada tahun 2016 kita telah membina tangki air dengan kapasiti 2 juta liter untuk kegunaan warga kampus. Harapan kita, tangki yang baharu ini dapat mengurangkan tekanan yang dihadapi oleh warga terutamanya mahasiswa apabila menghadapi masalah kekurangan bekalan air.



Suka saya mengingatkan sekali lagi, apa yang saya telah nyatakan dalam perutusan saya pada tahun 2016 iaitu **“Doing More With Less”**.

Saya ingin mengambil satu contoh yang paling mudah untuk difahami. Pernahkah anda dengar **Labyrinth 111 Maze** yang telah wujud di Universiti Malaya sejak awal 2016?

Kenapa projek ini saya kaitkan dengan *Doing More With Less*?

Labyrinth 111 maze merupakan satu projek kerjasama antara sepasukan penyelidik berkaitan Neuroscience dan keupayaan memori daripada Fakulti Perubatan Universiti Malaya dan Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan Harta Benda. Ia menggunakan kayu dan pintu terpakai. Dengan kepakaran tenaga dalaman UM, maze yang dibina ini boleh dikonfigurasi untuk penyelidik menilai kebolehan memori dan pencerapan ruang. Projek berkos rendah ini kini menjadi antara tarikan unik di Universiti Malaya yang memberi impak dalam penjenamaan dan penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti kampus. Maze ini

sangat unik, tambahan lagi apabila ianya digunakan untuk tujuan penyelidikan dan pada masa yang sama memberi manfaat kepada ramai orang untuk beriadah.

Universiti Malaya telahpun menjadi satu jenama yang tidak ternilai harganya. Melalui jenama ini, mudah untuk kita menarik penyumbang dana daripada luar ke Universiti menggunakan kelebihan dan keunikan yang kita ada. Ruang dan fasiliti yang ada juga mampu membuka

banyak peluang untuk kita menjana pendapatan, ditambah dengan warganya mempunyai kepakaran dalam pelbagai bidang. Alangkah baiknya jika kita dapat sama-sama mengambil peluang ini untuk membawa pulangan kepada Universiti tanpa memerlukan modal yang banyak. Penganjuran seminar, persidangan, bengkel dan latihan menggunakan sumber sedia ada sudah pasti memberi banyak kelebihan kepada kita.



⋮ **Labyrinth 111 Maze**

Saya ingin berkongsi kata-kata ini untuk renungan kita bersama:

“Those who look for seashells will find seashells, but those who open seashells will find pearl”

Bukan mudah mencapai kejayaan, kerana ia perlu iltizam dan usaha kuat yang berterusan. Jangan mudah berputus asa, jadikan cabaran yang datang sebagai kekuatan. Sesungguhnya kita semua adalah cabaran dan kita semua juga adalah kekuatan. Kita tidak boleh duduk selesa dengan pelbagai kejayaan dan pencapaian lalu. Kita perlu terus fokus kepada pembangunan Universiti melalui pelaksanaan agenda yang berimpak tinggi dan lestari serta berupaya memacu UM ke mercu kecemerlangan.

Dalam kita berlumba-lumba melaksanakan agenda penjana pendapatan, saya ingin menyeru kepada semua supaya mengamalkan langkah-langkah penjimatan. Inisiatif penjimatan dan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada yang telah kita laksanakan sebelum ini hendaklah diteruskan. Saya mahu setiap Dekan, Pengarah dan Ketua-

Ketua PTJ menetapkan sasaran penjimatan sebanyak 10% pada tahun ini. Pelaksanaan aktiviti penjimatan akan dipantau sendiri oleh Pendaftar.

Di mana-mana Universiti, ALUMNI menjadi satu kekuatan yang mampu menjadi tulang belakang sesebuah institusi. Seperti yang telah saya tekankan berkali-kali, jejaklah alumni kita, tariklah mereka untuk kembali kepada *alma mater* untuk menyumbang. Di sini peranan Dekan dan Pengarah

sangat penting untuk bekerjasama dengan TNC (HEPA) dan Pusat Peningkatan Institusi (IAC). Laksanakanlah program-program yang melibatkan alumni sepertimana yang dijalankan oleh Bahagian Hal Ehwal Pelajar pada tahun lalu iaitu program *Homecoming Carnival* yang berjaya mengumpul sumbangan sebanyak RM150,000.00. Program sebegini seharusnya menjadi perintis kepada program-program lain yang saya pasti lebih hebat dan memberi impak kepada Universiti.



..... **Homecoming Carnival**

Pada tahun lalu, Pengurusan Universiti Malaya telah meluluskan penubuhan **Wakaf Pendidikan UM atau UM Awqaf** dalam usaha mendapatkan dana daripada pihak luar. Pelbagai aktiviti telah dirancang dan akan dilaksanakan sebaik sahaja kita menerima kelulusan daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Saya memerlukan sokongan semua pihak dalam usaha kita mendapatkan dana waqaf daripada individu mahupun institusi korporat di luar sana.

Baru-baru ini saya juga telah meminta **Business Unit** diwujudkan di Jabatan Bendahari bagi memikir, menyusun strategi dan melaksanakan aktiviti penjaan pendapatan demi kelestarian kewangan Universiti. Saya juga telah meminta Pengawal Kewangan untuk menguar-uarkan kepada warga Universiti yang beragama Islam membuat potongan gaji bagi pembayaran zakat pendapatan. Di sini UM telah diberi mandat untuk menjadi *amil* bagi menjalankan kutipan zakat di kalangan staf. Saya juga mengalu-alukan mana-mana warga yang ingin membuat potongan

gaji secara SUKARELA untuk disumbangkan kepada Universiti.

Dalam keghairahan kita melaksanakan tugas dan tanggungjawab bagi memenuhi KPI dan aspirasi Universiti, suka saya mengingatkan kita semua dengan 10 Nilai Teras yang menjadi kekuatan dan tuggak Universiti Malaya. Senario ekonomi semasa yang

maklumat dan kewangan menjadi sangat penting dan pencapaian objektif Universiti perlu mengambil kira semua perkara.

Oleh itu, saya menyeru semua warga untuk mengamalkan sikap positif dan penuh berintegriti dalam melaksanakan tanggungjawab masing-masing. Ingatlah bahawa

INTEGRITY

is doing the right thing, even when no one is watching.

disebabkan oleh pelbagai isu seperti kekurangan agihan bajet kesan daripada keadaan ekonomi global dunia, kecanggihan teknologi maklumat, dan ancaman keselamatan dalam dan luar negara telah membuka lebih banyak cabaran kepada kita. Oleh yang demikian kita perlu bijak membuat penyesuaian ataupun *adjustment* dalam melaksanakan kerja, aktiviti dan fungsi bagi tujuan *survival*. Pemantauan dan kawalan terhadap ketirisan

meskipun kita mungkin terlepas daripada pengadilan di dunia, pengadilan Yang Maha Kuasa tetap akan ada. Marilah kita bersama-sama membudayakan **INTEGRITI** dalam setiap tindak tanduk kita supaya kita mendapat keberkatan dalam hidup di dunia dan di akhirat kelak.

Saya telah kongsiikan pelbagai kejayaan di tahun 2016 dan menekankan halatuju Universiti untuk tahun 2017. Usaha merealisasikan hasrat dan cita-cita ini memerlukan kerjasama dan kesepakatan semua warganya. Tiada satupun agenda yang boleh dicapai sendirian, saya perlukan anda semua untuk bersama-sama saya dan pengurusan Universiti dalam melaksanakan agenda-agenda berkenaan. Tidak kira walau apapun gred jawatan mahupun peranan anda dalam organisasi ini. Marilah kita sama-sama meletakkan UM di mercu kegemilangan.

Saya menyedari bahawa akhir-akhir ini banyak isu yang ditimbulkan di media massa mengenai cabaran kewangan yang dihadapi oleh Universiti. Walau bagaimanapun suka saya kongsiikan bahawa pihak Kerajaan telah memberikan jaminan dan komitmen bahawa peruntukan bagi emolumen staf tidak akan terjejas. Bagi pihak warga Universiti Malaya saya ingin merakamkan ucapan **TERIMA KASIH** kepada Kerajaan di atas keprihatinan yang diberikan.


Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan rasa penghargaan tidak terhingga

kepada semua warga Universiti khususnya kumpulan Pengurusan dan Profesional serta kumpulan Pelaksana. Tidak kira apapun jawatan anda, (Pembantu Tadbir, Pembantu Operasi, Pekerja Awam, Penolong Jurutera, Penolong Pendaftar, Pustakawan dan sebagainya. Tidak kira dimanapun anda bertugas, anda semua berjasa kepada UM. Anda semua nadi kepada UM. Walaupun tiada ucapan khusus untuk kumpulan ini dalam ucapan saya, saya mengiktiraf sumbangan anda semua seikhlas hati saya. Semoga kita semua terus bersatu hati dan bekerja dengan penuh dedikasi demi UM yang kita kasihi ini.




*Dari Universiti Malaya ke University Harvard
Membawa harapan berkolaborasi
Semangat dibawa “Soaring Upwards”
Semoga warga UM terus bersatu hati*


*Hang Jebat Hang Kasturi
Pahlawan hebat kebanggaan bangsa
Cabaran UM belum terhenti
Namun semangat warganya tetap membara*



 www.um.edu.my

 <http://www.facebook.com/UniversityOfMalaya>

 <http://www.youtube.com/uniofmalaya>  <http://twitter.com/unimalaya>

 <http://instagram.com/unimalaya>

